

Cuepacs sambut baik kesediaan JPA bincang SSM

UM - 7 SEP 2002

KUALA LUMPUR, 6 Sept. - Majlis Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyifatkan kesediaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk membincangkan rasa tidak puas hati kakitangan Kumpulan Sokongan berhubung kenaikan gaji RM15 jika memilih Sistem Saraan Malaysia (SSM) sebagai perkembangan positif.

Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan berkata, kesediaan JPA itu diharapkan akan dapat melegakan kakitangan sokongan dan Cuepacs akan mengemukakan cadangan balas berhubung perkara tersebut tidak lama lagi.

"Cuepacs berharap kenyataan terbuka dan ikhlas oleh (Ketua Pengarah JPA) Tan Sri Jamaluddin (Ahmad Damanhuri) akan melegakan kakitangan Kumpulan Sokongan berkaitan dengan isu tersebut," kata beliau dalam kenyataannya di sini.

Kelmarin, Jamaluddin menyatakan kesediaan berbincang dan menerima cadangan balas Cuepacs mengenai perkara itu.

Di bawah SSM yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Julai lalu, kakitangan awam dari Kumpulan Sokongan yang memilih sistem itu akan menerima kenaikan gaji RM15 manakala Kumpulan Pengurusan dan Profesional pula RM65 dan RM110 untuk Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Mesyuarat Khas Majlis Kongres Cuepacs pada 20 Ogos lalu yang dihadiri oleh 130 pemimpin kesatuan gabungannya telah membuat keputusan menerima pelaksanaan SSM tetapi merayu supaya kenaikan gaji RM15 dikaji pada kadar yang lebih sesuai.

Penjelasan

Justeru, kata Abd. Rahman, Cuepacs berharap dengan penjelasan terperinci oleh JPA, semua anggota sektor awam memahami bahawa perubahan Sistem Saraan Baru (SSB) kepada SSM bukannya merupakan semakan gaji kakitangan awam.

"Cuepacs sendiri telah turun padang memberi taklimat untuk menerangkan pelaksanaan SSM kepada ahli kesatuan sekerja dan anggota di peringkat negeri dan daerah di samping taklimat yang dibuat oleh JPA.

"Secara keseluruhannya kakitangan awam menerima pelaksanaan SSM tetapi merayu kepada kerajaan supaya kenaikan gaji RM15 itu dikaji semula pada kadar yang sesuai dan gaji dua peringkat juga diperkenalkan kepada jawatan dalam gred lantikan," katanya lagi.

Tambah Abd. Rahman, beliau yakin kerajaan akan mengkaji dan mempertimbangkan cadangan balas Cuepacs itu bagi kepentingan kakitangan awam, terutama Kumpulan Sokongan yang berjumlah kira-kira 847,239 orang atau merangkumi 85.93 peratus dari jumlah keseluruhan kakitangan awam.